

22/06/1999

Puteri Saadong teater 5 dalam 1

Raja Yusoff Ariffin

TEATER semi muzikal Puteri Saadong (PS) cuba mengupas kehidupan seorang puteri yang dianggap sebagai ahli tasawuf dan budayawan yang mempopularkan kesenian tradisi Kelantan.

PS yang dipentaskan di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dari 29 Mei hingga 4 Jun lalu turut menyingkap kehidupan puteri itu selepas meninggalkan pemerintahannya di Kota Mahligai dan memencilkan diri di Bukit Marak.

Pada masa sama, Puteri Saadong (lakonan Anne Hamid) memperkembangkan seni tradisi selepas mendapat petunjuk daripada bonda angkatnya, Cik Siti Wan Kembang (lakonan Khadijah Awang). Oleh itu, Puteri Saadong bukan saja dianggap sebagai tokoh budaya, malah tokoh agama.

Pementasan PS dianjurkan Majlis Kebudayaan Jajahan Kota Bharu, Yayasan Kemiskinan Kelantan dan Yayasan Belia Malaysia dengan kerjasama DBKL serta Dewan Bahasa dan Pustaka.

Skrip teater semi muzikal terbitan Aerotime Network Sdn Bhd ini ditulis pengarahnya sendiri, Sharifuddin Abdul Rahman.

Menurut Sharifuddin, selain menyingkap legenda Puteri Saadong, teater ini turut menyelami alam rohani yang menjadi alam kehidupan puteri tersebut.

Secara keseluruhannya, PS menampilkan lima unsur tradisional Melayu Kelantan, iaitu selampit, makyung, wayang kulit, dikir barat dan main puteri secara kontemporari.

PS dianggap satu-satunya teater post modernisme yang cuba memisahkan diri daripada bentuk teater kontemporari yang pernah dipentaskan sebelum ini.

Ini boleh dikatakan suatu eksperimen pengarah dan penulis skrip untuk memulakan satu babak baru dalam persembahan seni teater tanah air.

Unsur teater tradisi yang selama ini dipersembahkan secara mudah di hadapan khalayak yang lebih sofistikated. Pendeknya, PS cuba ditampilkan sebagai pertengahan - antara absurd dan realisme.

PS juga dianggap sebagai teater yang penuh warna-warni dengan kostum, pencahayaan, set dan props rekaan graduan pertama Akademi Seni Kebangsaan (ASK). Ia menampilkan percubaan yang mengejutkan serta aksi mistik yang mendebarkan.

Puteri Saadong, Dayang Bongsu (Suhaila Sulaiman) dan Tun Kudu (Raja Azura) turut berdikir barat, menari serta menyanyikan lagu makyung untuk menunjukkan permainan warisan seni itu juga boleh dimiliki bukan saja oleh orang Kelantan.

Antara tari dalam PS ini termasuklah Ajin Tapak Suci, Robohnya Kota Jelasin, Zapin Kota Mahligai dan Penderitaan Rakyat Perarakan ke Puncak.

Lagu tema bertajuk Senandung Puteri Saadong disampaikan Anne sendiri.

Secara Keseluruhan, PS terilham daripada Tuk Selampit (Saari Abdullah) yang buta, tetapi mempunyai daya ingatan dan pemikiran yang tajam.

Dia mengimbau sejarah silam dengan membawakan kisah pengorbanan Puteri Saadong dan Tun Kudu. Puteri Saadong membawa diri dari Kota Mahligai ke Bukit Marak selepas kecewa dengan kecurangan suaminya, Raja Abdullah (Zulkifli Ismail) yang berpaling mencintai Kenanga (Rohimi Sobeng) sepeninggalannya ke Siam.

Puteri Saadong juga kecewa dengan kezaliman adinda iparnya, Engku Derahim (Sabri Yunus) setelah mengambil alih pemerintahan atas kemangkatan Raja Abdullah.

Sebelum itu, Puteri Saadong berkorban demi kesejahteraan negara sanggup mengikuti dan tinggal di istana raja Siam, Prasat Thong (Mohd Sharil Akla) sebagai syarat perdamaian.

Tuk Selampit sebenarnya tidak bercerita secara langsung, tetapi berkhayal sambil cuba menafsirkan kerenah manusia yang sering bersengketa sehingga aliran hasrat terkandas dan perjuangan tersekat di samping mengimpikan kehidupan harmoni dan tenteram.

Wayang kulit pula menggunakan skrip yang menolak terus cerita daripada kitab Ramayana. Sebaliknya, ia mengambil kisah daripada kitab Mahabrata yang dikaitkan dengan kisah sejarah Melaka dan Puteri Saadong sebagai srikandi negeri Cik Siti Wan Kembang.

Nyanyian dikir barat turut melanggar struktur asli. Nyanyian makyung dan main puteri pula menampilkan bait puisi Kekasih ciptaan Usman Awang serta ungkapan pantun seloka dalam lagu Melayu lama.

Cerita legenda ini dilakonkan secara moden dengan struktur ceritanya diubahsuai, dikembangkan dan diluarbiasakan. Ia bersifat majmuk dengan tarian yang menguasai pentas memanfaatkan gerak tari moden serta tradisi termasuk joget, inang, zapin dan dangdut.

Keseluruhan persembahan PS dikuasai graduan perintis ASK. Mohd Sharil bertanggungjawab sebagai pereka tari dan jurusolek. Suflan Faizal pula menjadi penggubah muzik.

Rosman Ishak yang turut memegang peranan tentera Ayuthia menjadi pereka kostum. Mohd Shahrul Mizad yang melakonkan watak Phya Yamorat pula menjadi pereka set dan prop.

Sabri Mohd Zin atau Samoza yang memainkan peranan Awang Selamat dan Noor Aszila Abas sebagai pengurus pentas juga graduan perintis ASK.

Mereka diselia Bayu Utomo Radjikin (pengarah artistik), Seniman Negara Hamzah Awang Hamat (penasihat muzik tradisional) dan Ted Adzellan (pereka bunyi). Hasilnya bagaimana?

Kisah PS sebenarnya mudah dan sebahagian besar masyarakat mengetahuinya. Memang tiada yang baru dari segi ceritanya. Namun, cara persembahannya yang baru dan mungkin bagi sesetengah orang, ia menghiburkan. Mungkin juga memeningkan kepada sesetengah yang lain.

Dengan eksperimen yang dilakukan pengarang dan penulis skrip, PS keseluruhannya kelihatan sukar difahami kerana pada ketika-ketika tertentu artistiknya longgar dan pencahayaan kurang tepat.

Dengan memasukkan segala unsur tradisional atau boleh diistilahkan sebagai teater 5 dalam 1, PS kadang-kadang menjadi mudah dan kadang-kadang sukar dimengerti. Penumpuan yang luar biasa amat dituntut sewaktu menontonnya.

Mungkin inilah yang dikatakan pengarahnya yang ingin meletakkan PS antara absurd dan realisme. Bagaimanapun, dari segi hasratnya itu, barangkali berjaya. Dari aspek pengaliran naratifnya, bagaimana?

Kadang-kadang penonton juga sukar memberi tumpuan pada satu waktu. Sebagai contoh, wayang kulit dimainkan pada waktu pelakon juga beraksi di pentas.

Suasana yang menunjukkan antara alam realiti dan alam ghaib atau mimpi juga agak mengelirukan. Mungkin ini disebabkan pencahayaan kurang tepat. Harapnya Hasmadi Hassan (pelajar tahun tiga Jabatan Teater ASK) yang menjadi pereka cahaya dapat memperbaiki kelemahan ini pada masa akan datang.

Sewaktu menonton PS pada malam pratonton 27 Mei lalu, saya dapat mengesan satu kesilapan yang dilakukan pengarah. Kononnya sewaktu adegan main puteri, akan begitu besar pengaruhnya sehingga seorang penonton naik ke pentas seperti dirasuk. Memang ada seorang pemuda yang naik ke pentas seperti dirasuk, tetapi kemudian ditarik kembali oleh rakannya.

Soalnya, jika benar tidak mengapa. Ini tidak. Sebenarnya ia gimik

semata-mata dan dirancang. Jika benar dirasuk, pemuda itu tidak akan naik ke pentas dengan bergaya dan mudah dileraikan. Jika inilah gimik yang ingin dibuat, ia amat menjejaskan. Sabri sendiri tidak setuju sama sekali dengan hal ini dan begitu juga Hamzah Awang Hamat.

Atas protes dan nasihat pelakon serta tenaga produksi, gimik mengarut dan artifisial itu tidak diteruskan pada malam persembahan biasa.

Dari segi lakonan, keseluruhannya agak memuaskan, terutama Sabri. Zulkifli juga turut berusaha walaupun ada ketika suaranya pecah.

Raja Azura memberi persembahan sebaik mungkin. Cuma wataknya kurang mencabar kemampuannya. Samoza dan Zahari (menggantikan Wan Hanafi Su) sebagai Temenggung Seda juga baik.

Cuma yang dirasakan kurang ialah lakonan Anne. Terasa tidak cukup puas menikmati lakonannya, entah kerana mutu lakonannya sebagai pelakon baru atau mungkin kerana watak Puteri Saadong sendiri yang dirombak.

Anne sebenarnya boleh berjaya sebagai pelakon unggul kerana mempunyai bakat di pentas, suara, kesungguhan dan juga rupa. Malangnya, watak puteri Saadong dirasakan seperti terlalu berat baginya. Terasa keupayaannya tidak sampai untuk menjadi puteri legenda itu.

Anne kerap berteriak dan lenggok tubuhnya kasar. Puteri Saadong seperti yang dilukiskan dalam riwayat adalah wanita yang lemah lembut, tetapi tegas dan berprinsip. Bukan kasar dan garang.

Ada rakan memberi komen, Puteri Saadong sebenarnya lebih mirip perwatakan Dayang Bongsu. Adakah ini tersalah pemilihan pelakon atau watak sendiri yang telah diubah suai?

Walaupun begitu, dengan eksperimen yang dilakukan ini, pujian harus juga diberikan. Mungkin cara ini masih baru dan belum dimesrai khalayak ataupun pengkritik teater sendiri.

Mungkin lama-kelamaan, ia akan semakin serasi dan dapat dinikmati asalkan ada peningkatan. Pun begitu, saya setuju juga dengan andaian teman bahawa teater PS ini akan lebih baik jika diarahkan pengarah berwibawa dan berpengalaman.

Akhir sekali, bagaimanakah agaknya kaedah terbaik untuk menukar set dan props? Ketika pementasan PS, amat ketara kelibat dan bunyi krew yang bertugas walaupun lampu padam!

Khabarnya, PS akan dipentaskan di hadapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hotel Istana, Kuala Lumpur pada Julai depan. Semoga pementasan akan lebih berkesan dan cemerlang untuk Perdana Menteri!

(END)